

NO. SOALAN: 53

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**

**TARIKH : 09 NOVEMBER 2017**

**RUJUKAN : 10321**

**SOALAN :**

PR-1353-L03229

**Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah Pasport Antarabangsa Malaysia yang dilaporkan hilang dan apakah faktor berlakunya perkara ini

**JAWAPAN :**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Sebanyak 54,994 Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) telah dilaporkan hilang bagi tempoh dari Januari hingga bulan September 2017.**

**Antara punca berlakunya kehilangan PMA ini antara lainnya adalah disebabkan oleh kecuaiian di mana sebanyak 49,640 laporan telah diterima manakala selebihnya sebanyak 5,354 laporan adalah disebabkan oleh musibah yang diluar kawalan seperti kecurian, kebakaran dan bencana alam.**

**Kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk menangani masalah ini daripada terus berlaku dan tindakan semasa yang sedang diambil adalah dengan mengenakan denda / penalti sebagai kawalan dan pencegahan. Mulai 1 Januari 2018, Kerajaan akan mengenakan denda / penalti kepada kes kehilangan pasport ke atas individu sebanyak RM300 bagi kali pertama, RM500 bagi kali kedua dan RM1000 bagi kali ketiga. Tindakan tangguh pengeluaran pasport akan dikenakan sekiranya kesalahan tersebut dilakukan melebihi 3 kali dan tempoh penangguhan adalah selama 2 tahun.**